

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

**SEMPENA**

**‘PROGRAM BUAL BICARA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN PELAJARAN BERSAMA WARGA  
PENDIDIK PULAU LANGKAWI, KEDAH’**

**PADA**

**26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)  
2.30 PETANG**

**BERTEMPAT DI  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LANGKAWI,  
KEDAH**

Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Encik Nor Saidi bin Haji Nanyan  
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kuah

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib  
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati  
Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Encik Halid bin Ali  
Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi

Dif-Dif Kehormat, Pegawai-Pegawai SPP, Pegawai-Pegawai JPN dan  
PPD, tuan-tuan dan puan-puan warga pendidikan Pulau Langkawi,  
Kedah sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, hari ini kita dapat sama-sama berkumpul di dalam Program Bual Bicara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bersama Warga Pendidikan Pulau Langkawi. Sebelum saya meneruskan ucapan aluan saya ini, izinkan saya mengucapkan sekalung tahniah kepada Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Pegawai-Pegawai SPP dan Pegawai-Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi di atas kejayaan penganjuran Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda, Langkawi.

2. Sesungguhnya kami amat berterima kasih di atas kerjasama penuh yang telah diberikan oleh pihak Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda, Langkawi dalam memastikan kejayaan penganjuran program CSR berkenaan pagi tadi. Kami warga SPP begitu teruja dan berbesar hati dengan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh pihak sekolah. Mohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan daripada pihak kami sebagai urus setia dan kami berharap Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda, Langkawi berpuas hati dengan aktiviti CSR yang telah dijalankan serta sumbangan kecil yang diberikan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

3. Untuk makluman, Program Bual Bicara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bersama Warga Pendidikan Pulau Langkawi ini merupakan salah satu pengisian kepada Program Jaringan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) di Pulau Langkawi, Kedah yang bermula dari 25 September hingga 28 September 2017. Program Jaringan Strategik ini merupakan inisiatif ‘turun padang’ SPP yang turut melibatkan pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 1053 selain Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda, Langkawi.

4. Justeru penganjuran program seperti ini dilihat sebagai satu platform yang terbaik bagi menerangkan peranan SPP secara terperinci sebagai Badan Kuasa Melantik di samping mengukuhkan hubungan dan mendengar serta mendalami suara hati 1481 orang guru yang menjadi nadi dan tonggak utama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di lapan buah sekolah menengah dan 22 buah sekolah rendah di Pulau Langkawi ini. Maklumat dan perkongsian idea daripada program seperti ini penting bagi SPP untuk menganalisa apa-apa keperluan, kekangan dan penambahbaikan perkhidmatan perguruan secara amnya.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

5. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran SPP ditubuhkan dengan enam fungsi utama. Fungsi tersebut termasuklah melantik calon ke jawatan tetap, kontrak atau sementara dalam perkhidmatan pelajaran, mengesahkan dalam perkhidmatan anggota yang dilantik tetap, meluluskan pemberian taraf berpencen ke atas anggota yang dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan, kawalan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pelajaran, meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan dan berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib perkhidmatan pelajaran.

6. Sehubungan itu, program hari ini diharap akan berkisar kepada enam fungsi utama SPP dan bagi guru-guru yang mempunyai pertanyaan atau kemusykilan bolehlah melontarkan soalan atau memberikan pendapat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh Suruhanjaya ini khususnya isu-isu berkaitan tindakan tatatertib yang dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Perkara ini dapat dibuktikan melalui purata tiga hingga empat kertas tindakan tatatertib yang diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan pada setiap bulan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

7. Menurut data yang diperolehi, sepanjang tahun 2016 sebanyak 60 kes tatatertib telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya. Daripada jumlah itu, 29 pembentangan melibatkan kes tidak hadir ke sekolah, tujuh kes tentang tata kelakuan dan 24 membabitkan kes sabitan mahkamah yang merangkumi 43 orang guru lelaki dan 17 guru wanita. Semua kesalahan tatatertib bagi tahun 2016 telah pun dijatuhkan hukuman dengan 29 orang guru telah dibuang kerja, dua orang guru diturunkan pangkat dan 29 orang guru dikenakan hukuman ringan seperti denda, amaran, turun gaji dan lucut hak emolumen.

8. Jumlah kes tatatertib dijangka meningkat tahun ini berdasarkan 53 kertas pembentangan yang direkodkan dari bulan Januari hingga bulan Ogos sahaja. Daripada jumlah itu, 21 pembentangan melibatkan kes tidak hadir ke sekolah, 20 kes tentang tata kelakuan dan 12 membabitkan kes sabitan mahkamah yang merangkumi 33 orang guru lelaki dan 20 guru wanita. Semua kesalahan tatatertib sehingga bulan Ogos 2017 telah pun dijatuhkan hukuman dengan 27 orang guru telah dibuang kerja, tiga orang guru diturunkan pangkat dan 23 orang guru dikenakan hukuman ringan seperti denda, amaran, turun gaji dan lucut hak emolumen.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

9. Tentunya ada antara kita yang terkejut dengan bilangan kes tatatertib yang melibatkan guru-guru ini. Manakan tidak individu yang sepatutnya yang menjadi pendidik akademik dan pembimbing akhlak anak-anak di sekolah, tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang diamanahkan. Lebih menyedihkan kes seperti tidak hadir bertugas, penyalahgunaan dadah dan gangguan seksual antara kesalahan tatatertib tertinggi direkodkan. Mereka ini bukan sahaja tidak menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar malah mencemar nama baik profesyen perguruan yang selama ini dipandang mulia.

10. Sesungguhnya amanah sebagai pendidik anak bangsa seharusnya dijalankan dengan penuh ikhlas dan dedikasi. Masakan tidak, guru adalah antara elemen terpenting dalam pembentukan modal insan yang bukan sahaja menentukan masa depan seseorang individu malah kesinambungan tampuk pemerintahan negara. Sanggupkah kita bertanggungjawab sekiranya anak-anak didik kita membesar dan menjadi liabiliti kepada keluarga, masyarakat dan negara? Bukan semua boleh menjadi guru, namun bila seseorang itu terpilih maka tanggungjawab itu harus digalas sebaiknya.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini ingin sekali lagi dan warga SPP menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Encik Nor Saidi bin Haji Nanyan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kuah di atas kesudian Yang Berhormat melapangkan sedikit waktu dalam kesibukan untuk merasmikan Program Bual Bicara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bersama Warga Pendidikan Pulau Langkawi ini. Apresiasi yang tidak terhingga juga buat Encik Halid bin Ali, Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi beserta kesemua pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi di atas bantuan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam menyediakan segala keperluan bagi SPP merealisasikan program bual bicara ini. Sesungguhnya kerjasama erat ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan tidak terhenti di sini. Bagi semua warga pendidikan Langkawi yang hadir pada hari ini, manfaatkanlah program bual bicara ini bukan sahaja untuk mengetahui mengenai isu-isu perkhidmatan tetapi juga mendengar perkongsian ilmu daripada Ahli-ahli Suruhanjaya yang begitu banyak pengalaman dalam bidang perguruan.

Ratu Daha Puteri Rekan  
Berbual mesra kasih bersemi  
Terima kasih kami ucapkan  
Kerana sudi menolong kami,



Dari desa tuju ke pekan,  
Singgah sebentar di gerai siti,  
Terima kasih kami ucapkan,  
Atas segala jasa dan bakti

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.